

KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

PERKHIDMATAN PERUNDING DIBENARKAN BEROPERASI DI DALAM PPN FASA 1 & 2

Kebenaran diberi tertakluk kepada pematuhan syarat dan SOP yang sedang berkuatkuasa

Kuala Lumpur (25 Ogos 2021) – Kerajaan telah memutuskan untuk membenarkan syarikat-syarikat perunding sektor pembinaan beroperasi semula bermula 24 Ogos 2021. Syarikat perkhidmatan perunding sektor pembinaan yang dibenarkan untuk beroperasi adalah seperti akitek, jurutera, juruukur bahan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang berkaitan.

Permohonan untuk beroperasi hanya diperlukan bagi kawasan-kawasan di bawah PPN Fasa 1 dan Fasa 2 sahaja. Syarikat-syarikat perunding boleh memohon kebenaran beroperasi menerusi Sistem CIMS MITI di <https://notification.miti.gov.my/>, di bawah Kluster Pembinaan, dengan memilih salah satu sektor yang disenaraikan di bawah:

- Sektor 27: Perkhidmatan professional/ perunding yang berkaitan dengan kerja-kerja yang dibenarkan
- Sektor 32: Operasi Pejabat
- Sektor 33: Lain-lain kerja/aktiviti pembinaan yang tidak tersenarai di dalam Sektor 1 – 32. Sektor ini dibenarkan beroperasi berdasarkan pengisytiharan kadar vaksinasi pekerja

Semua syarikat yang telah dibenarkan beroperasi harus mematuhi Prosedur Operasi (SOP) Standard yang telah ditetapkan, serta mematuhi kesemua syarat, peraturan dan SOP lain yang berkenaan yang sedang berkuatkuasa kini.

CIDB ingin mengingatkan semua penggiat industri yang telah mendapat kelulusan beroperasi supaya mematuhi SOP yang ditetapkan. CIDB mempunyai kuasa untuk menutup tapak pembinaan yang didapati melanggar peruntukan Akta 520 atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain termasuk Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) dan Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990).

SOP PPN Sektor Pembinaan terkini boleh didapati di laman web CIDB Malaysia, <https://www.cidb.gov.my/> atau boleh hubungi CIDB Careline di talian 03-5567 3300.

####

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti. Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi **CIDB Careline** di talian **03-5567 3300**.